



KENYATAAN MEDIA


Untuk siaran segera

PENAFIAN LHDNM MENGENAI LAMAN WEB PANDUAN & CONTOH SOALAN PEPERIKSAAN PEGAWAI EKSEKUTIF LHDN 2017

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin menarik perhatian orang ramai mengenai beberapa laman web berkaitan dengan **Panduan & Contoh Soalan Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN 2017** yang sedang tular di internet dan media sosial pada ketika ini. Alamat dan paparan Laman Web tersebut adalah seperti berikut:

(1)

<http://www.examptd.info/panduan-contoh-soalan-peperiksaan-pegawai-eksekutif-lhdn/>



(2) <https://kerjaya.co/rujukan-soalan-peperiksaan-pegawai-eksekutif-lhdn/>

<https://kerjaya.co/rujukan-soalan-peperiksaan-pegawai-eksekutif-lhdn/>

KERJAYA

PORTAL JAWATAN KOSONG TERKINI

JOHOR KEDAH KELANTAN KL MELAKA N. SEMBILAN PAHANG PERAK PERLIS PENANG SABAH

Home > Blog > Rujukan Soalan Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN Gred 41

Rujukan Soalan Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN Gred 41

September 6, 2017

6871 0



Sedang mencari [Rujukan Soalan Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN Gred 41](#)? Berdasarkan maklumat terbaru SPA, Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN Gred 41 bakal diadakan dalam masa terdekat.

<https://kerjaya.co/rujukan-soalan-peperiksaan-pegawai-eksekutif-lhdn/>

JOHOR KEDAH KELANTAN KL MELAKA N. SEMBILAN PAHANG PERAK PERLIS PENANG SABAH

PEGAWAI LHDN

R U J U K A N P E P E R I K S A A N

RUJUKAN INI DISUSUN UNTUK MEMBERIKAN 'BOOSTER'
KEPADA PERSEDIAAN PEPERIKSAAN ANDA.



Kenyataan Media LHDNM, 7 September 2017

(3)

<http://examptd.us4.listmanage2.com/subscribe?u=05cb51b7f69689e288d60103e&id=7bdfd27e13>

Daftarkan Nama dan Email Terkini Anda untuk Melanggan Hebahan Jualn Panduan Peperiksaan LHDN.

Perhatian: Pengguna HOTMAIL, YAHOO dan GMAIL. Sila Semak Inbox atau SPAM BOX Email Sejurus Selepas Anda Menekan Butang Daftar di Bawah Untuk Email Pengesahan Langganan Kami.

Email Anda

Nama Anda

No Tel Anda (Hebahan SMS)

Subscribe to list

Email Marketing Powered by MailChimp

(4)

<http://kerjayamalaysia.com/ccontoh-soalan-peperiksaan-online-pegawai-eksekutif-gred-41-lhdn-di-malaysia/>

kerjayamalaysia.com/ccontoh-soalan-peperiksaan-online-pegawai-eksekutif-gred-41-lhdn-di-malaysia/

HOME PRIVACY BONUS S27 PENAFIAN CONTACT CARA PEMBELIAN NOTA EXAM PPT N

CARA PEMBELIAN PANTAS PAKEJ EBOOK RUJUKAN PEPERIKSAAN SEPARA PERUBATAN

CONTOH SOALAN PEPERIKSAAN ONLINE PEGAWAI EKSEKUTIF GRED 41 LHDN DI MALAYSIA

September 6, 2017 by admin – Leave a Comment

WhatsApp 0 Facebook 1.0k Twitter LinkedIn 0

CONTOH SOALAN PEPERIKSAAN ONLINE PEGAWAI EKSEKUTIF GRED 41 LHDN DI MALAYSIA

PEGAWAI EKSEKUTIF GRED 41 (PENGAMBILAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA)



Kenyataan Media LHDNM, 7 September 2017

LHDNM mengesahkan bahawa satu Peperiksaan Secara Dalam Talian (Online) Memasuki Perkhidmatan Pegawai Eksekutif Gred 41 LHDNM akan dijalankan pada 20 September 2017. Pelaksanaan Peperiksaan ini adalah dengan kerjasama dan perkongsian pengetahuan, kepakaran dan teknologi melalui platform peperiksaan *online* Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA). Calon-calon yang layak menduduki peperiksaan *online* ini akan menerima notifikasi daripada SPA melalui sistem pesanan ringkas atau e-mel.

Namun demikian, LHDNM ingin menegaskan bahawa laman web Panduan & Contoh Soalan Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN 2017 atau Rujukan Soalan Peperiksaan Pegawai Eksekutif LHDN Gred 41 seperti di atas atau mana-mana laman web seumpamanya adalah **BUKAN** daripada LHDNM. Semua laman web tersebut tiada kaitan dengan peperiksaan *online* berkenaan dan ia dibangunkan oleh pihak lain yang berkemungkinan mempunyai motif tertentu daripada calon-calon yang layak menduduki peperiksaan *online* LHDNM.

Justeru, LHDNM menasihatkan calon-calon yang layak serta orang ramai tidak mendedahkan sebarang maklumat mereka seperti yang diminta oleh laman web berkenaan. LHDNM juga tidak akan bertanggungjawab atas sebarang masalah atau kerugian yang mungkin dialami oleh calon-calon peperiksaan dan orang ramai yang telah mendedahkan maklumat mereka kepada laman web tersebut.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN) | Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 7 September 2017